



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 10 JUN 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **39 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **7,014 kes** (84.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 10 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **dua (2) kes** baharu yang telah dilaporkan, sekaligus menjadikan ini sebagai jumlah kes paling rendah yang pernah dicatatkan sejak bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan ini. Jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,338 kes**. Oleh itu,

jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,206 kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada dua (2) kes baharu yang dilaporkan, satu (1) kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara. Sukacita dimaklumkan bahawa pada hari ini juga, tiada kes penularan dalam negara dicatatkan di kalangan warganegara Malaysia. Satu (1) kes penularan di dalam negara yang dicatatkan adalah merupakan seorang bukan warganegara di mana kes ini dilaporkan di Kuching, Sarawak (iaitu kes saringan kepada kontak rapat kes 8303).

Sehingga kini, sebanyak lima (5) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, tiada kes memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **118 kes** (1.42 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-118 (kes ke-824) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 61 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan penyakit buah pinggang. Beliau mempunyai sejarah menghadiri perhimpunan di Seri Petaling. Beliau telah dirawat di

Hospital Sungai Buloh pada 15 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 10 Jun 2020 jam 7.03 pagi.

KKM mengucapkan takziah kepada keluarga beliau.

PENINGKATAN KES KEMALANGAN JALAN RAYA **MEMBIMBANGKAN KEMENTERIAN KESIHATAN** **MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati jumlah kecederaan dan kematian akibat kemalangan jalan raya semakin meningkat mutakhir ini.

Mengikut perangkaan dan statistik oleh Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia (PDRM) didapati jumlah kes kemalangan jalan raya kian meningkat sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) jika dibandingkan dengan jumlah kes kemalangan jalan raya semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Misalnya, jumlah kes kemalangan jalan raya ketika PKP 1 daripada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 (iaitu untuk tempoh 14 hari) adalah 5,498 kes dengan 58 kematian. Ini bermakna, kadar kemalangan seharian adalah **392.7 kemalangan/sehari**. Jika dibandingkan, jumlah ini naik mendadak kepada **738 kemalangan/sehari** semasa PKPB mula

berkuatkuasakan pada 4 Mei 2020. Data PDRM menunjukkan, daripada tempoh 5 Mei 2020 sehingga 12 Mei 2020 (iaitu untuk tempoh 8 hari) jumlah kemalangan jalan raya adalah 5,904 kes, dengan 68 kematian. Daripada 13 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020, 25,251 kes kemalangan telah direkodkan dengan 231 kematian (**iaitu 738 kemalangan/sehari**).

Statistik awal bagi kes-kes kemalangan atau trauma yang mendapat rawatan di hospital-hospital KKM pula telah menunjukkan penurunan kes trauma di antara 65 sehingga 75 peratus bagi semua negeri semasa PKP berbanding sebelum bermulanya PKP. Namun begitu, jumlah ini mulai menunjukkan peningkatan sebanyak 30 peratus semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) memandangkan terdapat lebih banyak pergerakan kenderaan di atas jalan raya.

Peningkatan kadar ini adalah amat merisaukan memandangkan ianya dijangka akan terus meningkat susulan peningkatan jumlah kenderaan di jalan raya.

KKM prihatin dan mengambil berat tentang keselamatan orang ramai terutamanya golongan pekerja yang semakin ramai berulang alik ke tempat kerja susulan pembukaan semula pelbagai sektor ekonomi, sosial dan lain-lain sektor.

Kemalangan mendatangkan implikasi serius seperti kehilangan nyawa, kecacatan yang kekal seumur hidup atau yang

menyebabkan kehilangan anggota tubuh badan dan hilang fungsi badan. Selain itu, ianya juga mengakibatkan impak negatif kepada perkhidmatan di hospital, misalnya;

- Peningkatan kadar kematian dan morbiditi;
- Peningkatan penggunaan fasiliti kesihatan untuk merawat kes kemalangan jalan raya, misalnya kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Kemalangan, peningkatan kes pembedahan kecemasan dan separa kecemasan yang boleh menyebabkan kadar penggunaan katil dan Unit Rawatan Rapi (ICU) turut meningkat;
- Peningkatan penggunaan bekalan darah bagi merawat kes-kes kemalangan yang lazimnya mempunyai kecederaan yang parah dan memerlukan transfusi darah.

KKM ingin menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati di jalan raya. Pandulah kenderaan dan menunggang motosikal dengan lebih berhati-hati bagi mengelakkan kemalangan jalan raya. Begitu juga, elakkan daripada memandu sekiranya penat atau tidak cukup rehat. Perkara yang tidak diingini boleh dielakkan sekiranya orang ramai lebih cermat dan mematuhi undang-undang di jalan raya. Ingatlah orang yang tersayang.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Pihak KKM menyeru kerjasama daripada setiap individu agar kita dapat sama-sama membendung wabak COVID-19 dan

memastikan rantai jangkitan COVID-19 diputuskan di Negara. Antara amalan-amalan yang disarankan adalah:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak** (*Crowded place*), elakkan kawasan yang **sempit** (*Confined space*) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat** (*Close conversation*).
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), sangat digalakkan memakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut - *face mask*) di tempat awam atau jika bersejajalah (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elak bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bersejajalah;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, sentiasa ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu

dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;

- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

10 Jun 2020 @ 5.00 petang

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI
MALAYSIA
(SEHINGGA 10 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

| NEGERI | BILANGAN KES BAHARU *() | BILANGAN KES KUMULATIF |
|---------------------------|---|---------------------------------------|
| PERLIS | 0 | 18 |
| KEDAH | 0 | 96 |
| PULAU PINANG | 0 | 121 |
| PERAK | 0 | 256 |
| SELANGOR | 0 | 1,971 |
| NEGERI SEMBILAN | 0 | 911 |
| MELAKA | 0 | 235 |
| JOHOR | 1 (1) | 677 |
| PAHANG | 0 | 363 |
| TERENGGANU | 0 | 111 |
| KELANTAN | 0 | 156 |
| SABAH | 0 | 355 |
| SARAWAK | 1 | 556 |
| W.P. KUALA LUMPUR | 0 | 2,398 |
| W.P. PUTRAJAYA | 0 | 97 |
| W.P. LABUAN | 0 | 17 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 2 (1) | 8,338 |

*() adalah merujuk kepada kes-kes import